


Lipat gandakan ibadah, raih lailatulqadar

Written by Media Baru



KUALA LUMPUR, 12 April- Ramadan, bulan pengampunan.

Antara keistimewaan bulan suci ini, terdapatnya satu malam penuh berkat lebih baik daripada seribu bulan, Lailatulqadar.

Malam teragung penuh kemuliaan yang dinanti-nantikan kehadangannya yang hanya akan muncul pada 10 hari terakhir Ramadan.

Untuk meraih ganjarannya, umat Muslim dianjurkan agar melipatgandakan ibadah dan memberbanyak doa.

Peluang untuk berada dalam 10 malam terakhir Ramadan tidak sepatutnya disia-siakan.

Allah suka mendengar permintaan daripada hamba-Nya dan antara masa terbaik untuk melakukannya ialah pada bahagian terakhir malam.



(Lipat gandakan ibadah, raih lailatulqadar)

"Amalan, ataupun doa yang dianjurkan oleh Nabi SAW ialah mohon kepada Allah, keampunan atas dosa-dosa yang pernah kita lakukan. Malah seluruhnya bulan puasa dan Ramadan itu sendiri, tidak lain tidak bukan, shahrul maghfirah, iaitu bulan keampunan dengan puasa kita mohon keampunan daripada Allah dan malamnya menghidupkan malamnya juga dengan mohon keampunan daripada Allah, itu yang paling afdal," kata Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, Jamali Mohd Adnan.

Tiada hari tertentu dikhususkan bagi malam lailatulqadar, namun menurut jumhur ulamak, ia jatuh pada malam-malam ganjil.

Malah, Rasulullah sendiri berikti kaf di masjid sebaik memasuki 10 malam terakhir.

"Saidatina Aisyah radhiyallahu'anha, isteri Nabi SAW bertanya, wahai Nabi Allah, apabila kami bertemu dengan malam Al Qadar, apa doa yang kami kena baca, lalu Nabi mengajar kepada Saidatina Aisyah, mengajar kita semua satu doa iaitu Allahumma Innaka 'Afuwwun Tuhibbul 'Afwa Fa'fu 'Annii, maknanya ya Allah ya tuhanku yang Maha Pengampun dan suka memberikan keampunan, maka ampunilah dosa-dosa yang pernah aku lakukan," katanya.



(Jamali berkata Tiada hari tertentu dikhkususkan bagi malam lailatulqadar, namun menurut jumhur ulamak, ia jatuh pada malam-malam ganjil)

Lebih istimewa, amalan sedekah yang dilakukan sekiranya jatuh pada malam lailatulqadar, pahalanya akan dilipatgandakan lebih baik daripada seribu bulan.

Malam qadar ialah malam yang mulia, diberkati, diagungkan dan mempunyai banyak kelebihan. Betapa bertuahnya kita sebagai umat Islam yang dapat peluang merebut barakahnya sepuluh malam terakhir Ramadan ini. Jadi, marilah kita menghidupkan malam-malam ini dengan ibadah dan doa yang tidak putus-putus, seterusnya melayakkan kita mendapatkan keampunan daripada Allah SWT.

Laporan disediakan oleh wartawan JAKIM, Amin Fauzi.